

VARSITI

BERITA

FOTO: HIASANI



Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik bergambar bersama penerima ijaz ketika majlis penyerahan surat tawaran rasmi kemestuan ke Universiti Awam dan Pusat Matrikulasi Sesi Akademik 2018/2019 di Putrajaya.

Tidak timbul soal diskriminasi

➔ **Kuota Bumiputera masih diperlukan bagi memastikan keseimbangan yang dihasratkan kepada semua masyarakat dicapai**

➔ **Kuala Lumpur**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyokong kenyataan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mempertahankan kuota matrikulasi untuk golongan Bumiputera.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata jika dilihat kini, jumlah kemasukan pelajar Bumiputera yang ada di universiti swasta adalah jauh lebih rendah daripada bukan Bumiputera dan Bumiputera hanya mempunyai fokus untuk memasuki universiti awam (UA).

Beliau berkata, sekiranya kuota itu ditarik semula, sudah pasti jumlah kemasukan pelajar Bumiputera yang ada di UA akan berkurangan.

"Ketika ini kuota Bumiputera masih diperlukan kerana kita mahu memastikan keseimbangan yang dihas-

ratkan oleh kerajaan kepada semua masyarakat dapat dicapai.

"Tidak timbul isu diskriminasi kepada kumpulan lain kerana mereka mempunyai peluang yang jauh lebih baik untuk memasuki universiti swasta dan universiti luar negara yang ada di negara ini," katanya kepada BH Varsity.

Beliau mengulas mengenai ucapan Maszlee di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang baru-baru ini mengenai isu kuota matrikulasi bukan Bumiputera dan keperluan fasih berbahasa Mandarin untuk memohon pekerjaan yang tidak boleh dilihat secara terpisah.

Dalam ucapan itu, Maszlee, berkata adalah sesuatu yang tidak adil sekiranya kuota matrikulasi untuk bukan Bumiputera dilonggarkan dan pada masa sama majikan masih menetapkan syarat perlu fasih berbahasa Mandarin untuk mendapatkan pekerjaan yang secara tidak langsung menafikan hak kaum Bumiputera.

Agenda nasional

Sementara itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mahu kuota sedia ada bagi program matrikulasi terus dkekalkan untuk membolehkan pelajar Bumiputera memasuki institusi pengajian tinggi (IPT).

Naib Canselornya, Prof Ts



Prof Mohamad Shatar Sabran



Prof Wahid Razzaly



Prof Shahrir Abdullah

Dr Wahid Razzaly, berkata UTHM akan sentiasa membantu negara mencapai agenda nasional iaitu membetulkan ketidakseimbangan ekonomi melalui wadah pendidikan terutama dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

Beliau berkata, semua pihak perlu berbincang mencari persetujuan bersama bagi mengenalpasti laluan alternatif lain yang boleh menarik pelajar menceburi pendidikan berkemampuan pembelajaran sepanjang hayat bagi mengelakkan keciciran.

"Isu ini tidak perlu diperbesarkan kerana terdapat beberapa laluan alternatif lain ke IPT antaranya melalui program asasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan diploma," katanya.

Terkini, UTHM dilantik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Pusat Penilaian Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu atau dikenali sebagai Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL).

Platform itu bertindak sebagai sebuah pusat yang menyaring kelayakan individu bekerja yang berhasrat menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di mana-mana IPT tempatan.

Laluan berkenaan memberi ruang dan peluang kepada individu bekerja yang tidak mengikuti sebarang program asasi atau matrikulasi untuk

melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Perlu diperkukuhkan

Dekan Fakulti Keguruan dan Alam Bina (FKAR) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Dr Shahrir Abdullah, berkata fakulti itu sangat bergantung kepada program matrikulasi KPM untuk mendapatkan calon Bumiputera yang layak.

Beliau berkata, kekurangan calon Bumiputera yang berkelayakan di peringkat STPM menjadikan pelajar daripada program matrikulasi sebagai penyelamat untuk mengimbangi jumlah pelajar Bumiputera berbanding kaum lain.

"Usaha ini perlu diperkukuhkan agar matlamat kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai tenaga mahir profesional, khususnya dalam kalangan Bumiputera dapat dicapai.

"Pusat Pengurusan Akademik UKM yang terlibat secara langsung dalam urusan kemasukan pelajar memaklumkan bahawa program matrikulasi KPM membekalkan hampir 60 peratus hingga 70 peratus daripada jumlah pengambilan pelajar terutama Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, langkah berkenaan sekali gus dapat membantu mengatasi masalah mendapatkan pelajar yang kurang meminati STEM.